

Penulisan Kreatif yang Cemerlang

Yasmin Azahari

yasmin_azahari@moe.edu.sg

Rozana Zainuri


rozana_zainuri@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Sengkang Green

Abstrak

Pada awal tahun 2015, guru mendapati bahawa murid menghadapi kekangan dan tidak dapat menulis karangan dengan baik. Setiap hasil penulisan bagi latihan karangan yang dihantar kepada guru menyerlahkan pelbagai masalah, termasuk kekurangan isi dan pelbagai kesalahan bahasa. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan minat murid-murid dalam penulisan karangan, mendedahkan murid-murid kepada tema karangan yang berbeza dan menggalakkan penulisan karangan yang kreatif. Beberapa usaha intervensi telah dijalankan berkaitan dengan kajian ini seperti penggunaan peta minda, soalan-soalan beraras Taksonomi *Bloom* dan pembelajaran kooperatif. Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 Bahasa Melayu yang mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza iaitu murid-murid berkeupayaan tinggi dan sederhana. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian markah karangan murid-murid dan juga proses pemikiran murid dalam menjana dan menghuraikan isi.

Kata Kunci: penulisan kreatif, Taksonomi *Bloom*, pembelajaran kooperatif



PENGENALAN


Setiap kali seorang guru mengajar murid-murid cara menulis karangan, guru akan menitikberatkan tentang pentingnya sebuah karangan yang menarik dan tidak membosankan. Namun, perkara ini bukanlah mudah untuk dicapai. Penghasilan karangan yang baik bukanlah satu perkara yang mustahil. Guru harus menjalankan beberapa langkah yang dapat membantu dalam perancangan pengajaran karangan supaya murid-murid dapat berfikir dengan kreatif dan meluas dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Kebiasaannya, ramai dalam kalangan murid sekolah rendah hanya akan menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberi dan rangkaian kosa kata yang disertakan. Maka timbul masalah guru membaca hasil karangan yang hamper sama dan kerap diulang isinya oleh murid-murid. Markah yang diperoleh mereka juga hampir sama lantas mengakibatkan 'pengelompokan markah' atau '*bunching of marks*'. Situasi ini sering kali menonjolkan masalah penulisan karangan yang agak mendatar. Guru juga akan berasa kecewa kerana potensi murid tidak dapat ditonjolkan. Bahkan, pelbagai cara telah dicuba dan dijalankan oleh para guru untuk menggilap kemahiran murid-murid dalam aspek penulisan namun setiap tahun cabaran yang sama akan tetap muncul. Peredaran zaman juga telah menukar dan mengubah cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) karangan. Justeru penting untuk para guru menghasilkan teknik-teknik yang bersesuaian dengan profil pelajar pada masa kini.

PERNYATAAN MASALAH

Guru-guru mendapati bahawa murid-murid menghadapi masalah menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti. Murid-murid selalunya memperoleh dalam lingkungan 9 hingga 12 markah untuk bahagian isi (markah penuh 20). Masalah ini timbul kerana murid-murid menghadapi kesukaran dalam menjana, menyusun dan mengembangkan idea-idea bagi membentuk jalan cerita yang menarik. Lantas, karangan yang dihasilkan tidak berkualiti lalu tidak dapat menarik perhatian pemeriksa.

Pengkaji telah menyertakan dua lampiran yang menunjukkan prestasi murid yang sama sebelum dan sesudah menjalani PdP S2SW.



Contoh 1a: (contoh kerja murid yang tidak disunting)

“Cuaca petang itu cerah. Anita dalam perjalanan pulang dari sekolah. Anita ternampak seorang wanita menjerit meminta tolong. Beg tangan wanita itu diragut oleh seorang pemuda. Anita terperanjat melihat wanita itu menjerit. Anita ingin membantu wanita itu.”


Karangan di atas ini merupakan contoh hasil penulisan seorang murid darjah 5 yang hanya dapat meluahkan dan menulis apa yang dilihat dalam gambar bersiri yang diberikan. Walaupun karangan yang ditulis memberi gambaran yang jelas tentang gambar tersebut, namun murid tidak dapat mengembangkan karya itu supaya lebih terperinci dan tuntas. Di sini dapat dilihat bahawa tugas guru adalah untuk membimbing murid-murid supaya mengembangkan lagi skop penulisan dan pada masa yang sama menambah nilai kepada hasil karya berkenaan.

Contoh 1b: (contoh kerja murid yang tidak disunting)

“Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Cuaca pada petang itu indah dan cerah. Anita dalam perjalanan pulang dari sekolah. Anita terasa penat sekali pada hari itu kerana banyak yang perlu diselesaikan tadi di sekolah untuk projek Sains. Anita hanya mahu pulang terus ke rumah kerana dia terlalu penat untuk melakukan apa-apa lagi. Sedang dia berjalan sambil menenangkan fikiran, Anita ternampak seorang wanita menjerit meminta tolong. Beg tangan wanita itu diragut oleh seorang pemuda. Anita terperanjat melihat wanita itu menjerit. Muka wanita itu pucat dan dia kelihatan panik. Anita melihat di sekelilingnya namun tiada sesiapa yang ada untuk membantu wanita tersebut. Anita ingin membantu wanita itu kerana dia kasihan melihat keadaan wanita itu. Tanpa berleengah lagi, Anita bergegas ke arah wanita itu.”

Karangan di atas ini pula berbeza dengan karangan yang telah dihasilkan pada awalnya. Penggunaan peta minda dengan sokongan soalan-soalan aras Taksonomi *Bloom* dapat membantu murid-murid mengembangkan lagi skop penulisan. Peta minda harus dikukuhkan lagi dengan adanya soalan-soalan aras Taksonomi *Bloom* kerana murid-murid harus menerima bimbingan dan sokongan supaya dapat menggunakan peta minda untuk mengembangkan lagi jalan cerita.

Lantaran itu, kami telah memilih cara ini sebagai cara tetap untuk mengajar karangan kepada murid-murid di sekolah. Hasilnya sungguh menggalakkan kerana terdapat peningkatan bukan sahaja dalam pemarkahan isi bahagian karangan tetapi juga dalam proses pemikiran murid-murid. Proses pembelajaran



ini memastikan bahawa murid-murid dapat menggunakan peta minda untuk memanjangkan dan mengembangkan jalan cerita dengan memastikan bahawa terdapat kesinambungan. Manakala, soalan-soalan aras taksonomi *Bloom* membantu murid-murid untuk berfikir dengan lebih mendalam kerana proses pemikiran yang mantap dapat membolehkan murid-murid untuk menulis dengan lebih jelas, tuntas dan menarik.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan minat murid-murid dalam penulisan karangan;
2. meninjau kesan tema karangan yang berbeza;
3. mengkaji penggunaan kaedah-kaedah yang berbeza; dan
4. melihat sejauh mana penulisan karangan murid dapat dijadikan kreatif dan padat.

KAJIAN LEPAS

Dilip Mukerjee (1996) dalam bukunya bertajuk '*Superbrain*', menyatakan bahawa pemetaan minda seseorang itu dapat membuat murid "... *learn more, remember more, use less paper, invest less effort..*". Ini bermaksud penggunaan peta minda dapat memperolehi ilmu pengetahuan yang lebih banyak, mempertingkatkan daya ingatan tanpa membazir banyak kertas untuk menulis lakaran cerita yang ingin dihasilkan. Lakaran peta minda dapat membantu murid melakarkan idea-idea padat dan tersusun.

Musa Sulaiman (2006) dalam laman sesawangnya menyatakan bahawa ada beberapa syarat yang perlu dicapai dalam penulisan karangan yang baik. Antaranya adalah kejelasan dan ketepatan isi. Isi-isi atau hujah yang bakal menimbulkan sebarang salah faham atau kekeliruan harus dielakkan. Contohnya mengikut urutan masa, urutan kepentingan, urutan kerumitan dan sebagainya. Isi-isi atau hujah hendaklah saling berkaitan antara satu sama lain sehingga mewujudkan satu idea yang padu dan bukannya sekumpulan isi atau hujah yang terpisah-pisah.

Terdapat juga bukti bahawa penggunaan permainan dalam pengajaran membolehkan murid memberi tumpuan yang secukupnya untuk belajar dengan



lebih baik. Lepper dan Cordova (1992) telah mendapati bahawa penggabungan permainan dalam pembelajaran dapat mempertingkatkan pemahaman menimbulkan keseronokan dalam kalangan murid. Usaha ini juga akan membantu meningkatkan prestasi pembelajaran murid.

Dalam kajian Van Vleet, C. (2006) bertajuk "*We're Writers, Too!*" *Engaging Younger Students in the Writing Process*", beliau menyatakan bahawa kanak-kanak sebenarnya mampu menulis. Mereka memerlukan satu peta cerita atau peta minda untuk membina ilusi berkaitan aktiviti mereka ke dalam bentuk penulisan. Kanak-kanak juga memerlukan masa yang mencukupi dan suasana pembelajaran yang sesuai untuk menghasilkan sesuatu penulisan yang baik dan kreatif.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian


Subjek kajian terdiri daripada murid-murid peringkat Darjah 5 Bahasa Melayu yang mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza iaitu murid-murid berkeupayaan tinggi dan sederhana. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 28 orang. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana para guru mendapati murid-murid kerap kali tidak dapat mengembangkan idea-idea dan penggunaan kosa kata yang terhad dalam mengarang berdasarkan gambar bersiri mahupun karangan bertajuk.

Instrumen Kajian

Murid-murid akan dinilai berdasarkan dua aspek penilaian. Penilaian pertama merupakan penilaian berbentuk formatif kerana guru akan menilai hasil perkembangan peta minda murid semasa aktiviti di dalam kelas. Melalui aktiviti ini, guru dapat melihat sejauh mana murid-murid dapat mengembangkan idea mereka berdasarkan gambar dan juga soalan-soalan mengikut aras Taksonomi *Bloom*. Murid juga menggunakan peta minda Tony Buzan sebagai alat untuk membantu mereka menyusun dan melakarkan idea-idea bagi karangan mereka.

Prosedur Kajian

Guru-guru Bahasa Melayu menggunakan masa yang diperuntukkan untuk mencatat idea-idea yang dapat dijalankan bagi mengatasi masalah yang murid



hadapi untuk menulis karangan yang baik. Setelah mencatat idea-idea yang dapat dijalankan demi kebaikan murid-murid, kesemua guru akan berbincang lalu memilih idea yang paling sesuai untuk menangani masalah yang dihadapi.

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah untuk mencapai objektif pembelajaran. Kaedah pertama merupakan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang terdiri daripada lima peringkat.

1. Pengenalan

- Guru menjelaskan kepada murid-murid tentang matlamat pembelajaran pada hari itu. Guru menerangkan pentingnya penulisan karangan yang kreatif dan berkualiti. Guru juga menekankan bahawa komponen karangan bukan sahaja penting untuk markah keseluruhan PSLE. Malah, murid-murid juga boleh menggunakan kemahiran ini pada masa hadapan dalam alam pekerjaan atau pun untuk hal peribadi.

2. Penerangan

- Guru menayangkan sebuah klip video atau menunjukkan sekeping gambar yang memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tema karangan yang akan dikupas buat pengajaran pada hari ini. Guru mendapatkan murid-murid untuk menyuarakan pendapat dan juga jawapan berdasarkan soalan-soalan yang diajukan. Guru menggalakkan murid-murid untuk berfikir dengan kreatif namun pada masa yang sama harus memastikan bahawa idea-idea mereka itu relevan dengan tema.

3. Modeling

- Untuk bahagian ini guru akan menerangkan aktiviti secara berpasangan dahulu dengan menunjukkan contoh bagi setiap aktiviti yang perlu diselesaikan murid. Ini untuk memastikan murid-murid memahami apa yang dikehendaki oleh mereka semasa menghabiskan kerja kumpulan dan latihan secara individu.

4. Latihan

- Guru telah menyediakan beberapa latihan secara kumpulan dan individu untuk memastikan murid-murid dapat melalui proses penulisan karangan secara bertahap. Dengan cara ini, murid-murid



dapat mengembangkan idea-idea dan jalan cerita mereka secara 'self-directed'. Untuk bahagian ini, terdapat latihan yang menggunakan perisian ICT dalam talian dan juga latihan secara kumpulan yang memuatkan beberapa teknik perkembangan idea dan disertakan sekali bahagian ICT. Pada akhir pembelajaran, murid-murid akan ditugaskan untuk menulis sebuah karangan berdasarkan tema yang dibincangkan secara individu.

5. Penutup

- Guru merumuskan pembelajaran pada hari itu dengan mendapatkan respons daripada murid-murid. Murid-murid juga berkongsi bersama rakan sedarjah tentang apa yang mereka fahamkan daripada pengajaran yang telah dijalankan. Seminggu sesudah pelajaran dijalankan, guru akan memulangkan hasil karangan yang ditulis kepada murid-murid. Guru menonjolkan markah murid-murid yang memperlihatkan peningkatan sekurang-kurangnya 1 markah ke atas untuk bahagian isi.


Selain daripada kaedah Pengajaran Secara Eksplisit, pengkaji juga menggunakan teknik peta minda yang dipelopori oleh Tony Buzan untuk memastikan dan memudahkan proses pengembangan idea murid-murid agar lebih berkesan. Peta Minda (*Mind Mapping*) adalah satu teknik yang digunakan untuk meningkatkan daya ingatan melalui penggunaan minda sebelah kanan atau *the subconscious mind*.

Pengkaji juga telah menerapkan penggunaan teknik-teknik Guru Mahir (*Skillful Teacher*) untuk memastikan pembelajaran murid-murid di dalam bilik darjah berkesan. Guru menggunakan teknik-teknik pembelajaran kooperatif untuk menjalankan pengajaran yang menarik dan efektif. Kaedah Guru Mahir membantu para guru dalam menjalankan pengajaran yang lebih berkesan dengan menggunakan teknik-teknik yang terdapat pada kaedah ini.

Rancangan Pelajaran

Langkah 1
Video / Gambar

1. Guru menayangkan / menunjukkan klip video atau gambar berkenaan dengan



<p>tema karangan yang akan dikupas untuk pelajaran tersebut.</p> <p>2. Murid menonton video. Guru mendapatkan respons daripada murid-murid mengenai kandungan video / gambar tersebut.</p> <p>3. Guru mengajukan beberapa soalan berdasarkan bahan yang ditayangkan.</p>
<p>Guru memberi gambar bersiri yang akan digunakan kepada setiap murid. Murid-murid harus meneliti gambar yang diberi lalu membaca soalan-soalan bimbingan berteraskan aras Taksonomi <i>Bloom</i>.</p> <p>4. Soalan-soalan bimbingan berteraskan aras Taksonomi <i>Bloom</i> (akan diberi bersama gambar bersiri). Ini adalah untuk membolehkan murid-murid supaya berfikir secara mendalam.</p>
<p>Langkah 2</p> <p>Gambar karangan dan perisian dalam talian <i>Padlet / Google Shared Document</i></p> <p>5. Bahagian seterusnya memerlukan murid-murid menggunakan aplikasi <i>Web 2.0</i>.</p> <p>6. Guru meminta murid-murid klik pada pautan <i>Padlet / Google shared document</i> yang telah diemelkan ke alamat emel setiap murid.</p> <p>7. Guru memuatnaikkan gambar komik berdasarkan satu babak dalam tema karangan yang diberi.</p> <p>8. Murid-murid perlu menghasilkan sebuah dialog berdasarkan gambar komik yang selaras dengan tema karangan.</p> <p>9. Guru menayangkan hasil kerja murid-murid dan menonjolkan beberapa hasil dialog yang menarik untuk dijadikan contoh. Guru juga memberi maklum balas yang membina kepada murid-murid yang perlu memperbaiki hasil dialog mereka.</p>
<p>Langkah 3</p> <p>Kerja Kumpulan: Menghasilkan peta minda</p> <p>10. Tugas seterusnya merupakan aktiviti membina peta minda.</p> <p>11. Guru menggunakan teknik <i>Round Robin</i> dan menggalakkan murid-murid mengambil giliran untuk membina peta minda berdasarkan setiap petak gambar.</p> <p>12. Murid-murid diberi templat peta minda, soalan-soalan aras Taksonomi Bloom, cetakan <i>Padlet / Google Shared document</i> dan senarai frasa berbunga.</p> <p>13. Murid-murid cuba menghasilkan cabang-cabang anak panah untuk mengembangkan jalan cerita dan memastikan terdapat kesinambungan dalam cerita masing-masing.</p> <p>14. Melalui peta minda ini, murid-murid dapat melihat gambaran yang lebih jelas berkenaan gambar yang diberi. Setiap idea dicatat dan dikembangkan mengikut strategi peta minda yang telah guru ajarkan kepada murid-murid</p> <p>15. Guru akan menetapkan masa untuk setiap gambar supaya murid-murid berdisiplin semasa menjana idea untuk setiap gambar.</p> <p>16. Dengan adanya rentetan idea yang terhasil, murid-murid kini mempunyai koleksi idea yang padat untuk penulisan karangan dan juga idea-idea yang tersusun dan berkaitan memastikan kesinambungan cerita yang memberi gambaran yang jelas.</p>




<p>Langkah 4 Pembentangan dan Lintas Galeri</p> <p>17. Setelah melengkapkan peta minda, murid-murid membuat pembentangan ringkas.</p>
<p>18. Guru memberi pendapat dan kata-kata perangsang berdasarkan isi dan kaitan yang terdapat pada peta minda setiap kumpulan.</p> <p>19. Setelah pembentangan setiap kumpulan, guru akan menampal hasil peta minda di keliling bilik darjah.</p> <p>20. Murid-murid dapat melihat peta minda yang dihasilkan oleh setiap kumpulan dengan lebih terperinci dan pada masa yang sama murid-murid dapat lekatkan kata-kata perangsang dan pujian untuk hasil kerja rakan-rakan mereka.</p> <p>21. Aktiviti lintas galeri ini dapat menggalakkan perkongsian idea dan memperluaskan lagi skop pemahaman murid-murid berkenaan topik.</p>
<p>Langkah 5 Penutup Tugasan: Karangan Individu</p> <p>22. Murid-murid diberi masa untuk menghasilkan sebuah karangan lengkap secara individu.</p> <p>23. Murid-murid diberi soalan-soalan bimbingan berteraskan aras Taksonomi <i>Bloom</i> sebagai panduan dalam penulisan karangan.</p> <p>24. Murid-murid dibenarkan untuk bergerak di keliling kelas untuk 'meminjam' idea rakan-rakan mereka supaya hasil karangan individu lebih menarik, padat, berkesinambungan, jelas dan terperinci.</p>

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Projek ini dilaksanakan dalam jangka masa setahun. Projek ini dilaksanakan tiga kali setiap penggal sebagai pelajaran karangan. Murid-murid yang dipilih sudah terbiasa dengan teknik menjana idea seperti yang ditetapkan ini.

Melalui satu tinjauan yang dijalankan, semua murid didapati mempunyai motivasi untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelajaran penulisan karangan. Ini berlaku kerana penggunaan perisian dan aplikasi dalam talian, aktiviti kerja kumpulan yang menggunakan soalan-soalan Taksonomi *Bloom* dan juga penggunaan peta minda telah dapat membantu mempertingkatkan kemahiran menulis murid. Murid-murid berpendapat bahawa dengan menggunakan kaedah ini, penulisan karangan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan menarik. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid menunjukkan minat dan pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila teknik-teknik yang sesuai diselitkan



ke dalam rancangan pelajaran.

Dapatan berdasarkan borang refleksi murid-murid seperti di dalam Jadual 1 berikut menunjukkan bahawa semua murid bersetuju bahawa pengajaran karangan menggunakan kaedah ini memberi mereka keyakinan, lebih berkesan dan membolehkan mereka berfikir secara mendalam. Melalui pemantauan guru dan hasil kerja murid-murid, 100% murid dapat mengikut kaedah yang diajar dan berusaha untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Jadual 1: Borang Refleksi Murid Kelas 5ML1


NO	ITEM	BERJAYA ☺	MASIH MENCUBA ☺
1	Penggunaan peta minda disertakan dengan soalan-soalan rangsangan memudahkan pelajaran karangan untuk saya.	100%	0%
2	Pelajaran yang diajar oleh guru sungguh seronok.	100%	0%
3	Saya dapat berfikir dengan mendalam dan juga dengan teliti semasa menulis karangan saya.	100%	0%

N= 27 murid

Jadual 2: Borang Refleksi Guru

NO	ITEM	BERJAYA ☺	MASIH MENCUBA ☺
1	Murid-murid memahami setiap langkah yang diajar.	100%	0%
2	Hasil karangan murid-murid dapat menunjukkan peningkatan yang positif dengan adanya isi-isi yang padat dan kesinambungan cerita. *Peningkatan sekurang-kurangnya 1 markah untuk bahagian isi.	100%	0%
3	Masa yang diperuntukkan untuk pelajaran karangan - 3 kali setiap penggal mencukupi dan memadai. - 6 waktu untuk 1 rancangan pengajaran	100%	0%

N= 5 guru



Sebelum projek ini dijalankan, pengkaji mendapati markah untuk bahagian isi karangan murid selalunya tidak memuaskan kerana murid tidak dapat menjana idea-idea yang lebih luas dan kreatif. Ini menyebabkan skop penulisan karangan mereka agak terhad. Pascaujian yang merupakan markah karangan untuk penggal 1, ujian karangan formatif sangat berbeza dengan markah karangan peperiksaan akhir tahun. Bila dibandingkan markah SA2 dengan markah CA1, 100% murid yang terlibat menunjukkan peningkatan yang menakjubkan.

Secara keseluruhan, murid dapat menghasilkan 10 peta minda sepanjang tahun bersama-sama ahli kumpulan mereka. Namun, secara individu murid dapat menghasilkan lima peta minda sendiri. Pada akhir tahun, murid-murid mempunyai 15 peta minda yang terperinci dan tersusun untuk dijadikan bahan ulang kaji buat peperiksaan karangan SA2. Ramai antara mereka yang menyatakan bahawa ulang kaji karangan menjadi lebih mudah dan lebih jelas untuk diingat dan difahami.


Maklum Balas Guru

Pada keseluruhannya, murid-murid dapat menghasilkan karangan kreatif dengan penggunaan peta minda yang terperinci. Murid-murid menunjukkan minat yang memberangsangkan apabila dapat melakarkan peta minda kerana kaedah ini berbeza dan memberi murid-murid ruang untuk menyerlahkan nilai artistik mereka.

Wujudnya kebebasan untuk murid melakarkan peta minda mereka dengan mengisi anak panah dengan idea-idea dan frasa-frasa, membantu murid mengatur idea-idea itu dalam perenggan yang sesuai. Pendekatan *Round-Robin* juga membantu murid menjana lebih banyak idea setelah berkongsi dan berbincang dengan ahli kumpulan mereka. Walaupun murid dapat menghasilkan karangan yang kreatif, kekurangan kosa kata masih menjadi penghalang dalam komponen bahasa pemarkahan karangan. Lebih banyak pendedahan bagi latihan kosa kata yang harus diberikan supaya dapat mengukuhkan dan mengembangkan penguasaan bahasa murid.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa dengan penggunaan peta minda sebagai alat menjana idea-idea dan disokong dengan soalan-soalan aras Taksonomi *Bloom*, murid berjaya menghasilkan peningkatan markah yang sangat ketara dan



memberangsangkan. Hal ini jelas dilihat melalui analisis data yang dikumpulkan secara kuantitatif. Murid dapat mengolah jalan cerita dengan lebih mendalam. Lantas, tidak mustahil untuk murid memperolehi markah yang agak tinggi untuk komponen isi.

Hasil dapatan kajian melalui pascaujian bukan sahaja memaparkan peningkatan dalam markah yang diperolehi murid-murid, malah keberkesanan penggunaan Peta Minda dan soalan-soalan aras Taksonomi Bloom juga terserlah kerana murid-murid dan para guru bersetuju bahawa teknik ini memudahkan lagi proses pembelajaran karangan dan pada masa yang sama dapat meningkatkan proses pemikiran murid-murid. Murid-murid kini lebih yakin dan sudah mampu menyampaikan idea-idea yang lebih tersusun dan kreatif.

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Norashikin Abdul Hamid

RUJUKAN

Buzan, T. & Buzan, B. (2003) *The mind map book. Rev Ed.* London: BBC.

Dilip Mukerjea. (1996). *Superbrain – Train your brain and unleash the genius within.* Singapore: Oxford University Press.

Multicultural-Foreign Language-ESOL Jabatan Pendidikan Buku Panduan, Sekolah Lembaga Broward County, Florida Forte, Imogene dan Sandra Schurr, Mengintegrasikan Instruction dalam Matematik: Strategi, Aktiviti, Projek, Alat, dan Teknik, © 1996 Penerbitan Insentif, Inc., Nashville . TN Kagan, Spencer, Pembelajaran Koperasi, © 1992 Sumber untuk Guru-guru, Inc.)

Musa Sulaiman (2006). [Http://myschoolnet.ppk.kpm.my/berita/2004/10April_ap2UM.htm](http://myschoolnet.ppk.kpm.my/berita/2004/10April_ap2UM.htm)

Van Vleet dalam lelaman pada 24 Disember 2018. <http://sgstudentcenteredresearch.wikispaces.com/file/view/we're+Writers+tool.pdf>

